

Mahathir ingatkan rakyat jauhi politik ekstrim

KUALALUMPUR 5 Dis. — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad mengingatkan rakyat berbilang kaum di negara ini supaya menjauhi sebarang bentuk politik yang ekstrim.

Perdana Menteri berkata, memanglah mudah untuk memenangi pengaruh dan menjadi popular di kalangan kaum negara ini jika parti politik membuat permintaan yang ekstrim.

"Akibat daripada keadaan ini hanya akan merugikan kita, oleh itu kita hendaklah menolak dan menentang sebarang bentuk politik yang ekstrim.

"Sebarang bentuk ekstrimisme hanya akan menjejaskan kestabilan dan kemakmuran negara ini," katanya.

Beliau menyatakan demikian ketika berucap merasmikan Perhimpunan Agung MIC di sini hari ini.

Dalam upacara perasmian itu, beberapa orang pemimpin parti komponen Barisan Nasional turut hadir, antaranya ialah Presiden Gerakan, Dato' Sri Lim Keng Yik.

Menurut Dr. Mahathir, keadilan sosial yang diwujudkan oleh kerajaan Barisan Nasional (BN) di negara ini mampu mewujudkan kestabilan politik yang perlu bagi menjamin wujudnya pertumbuhan ekonomi yang tinggi.

"Dengan mengamalkan prinsip keadilan bagi semua

kaum, Malaysia bukan sahaja berjaya menyatupadukan rakyatnya tetapi juga mampu mewujudkan kestabilan politik dan tidak ada kaum yang merasakan dirinya diketepi, diasingkan atau dihalang daripada mencapai kejayaan.

"Semua kaum bebas merebut peluang-peluang perniagaan dan mengumpul kekayaan secara halal," ujar beliau.

• Bagaimanapun katanya, kerajaan sedar kemiskinan masih wujud di negara ini tetapi hairan kenapa perkara ini masih wujud sedangkan peluang pekerjaan begitu banyak sehingga pekerja asing terpaksa diambil.

Dr. Mahathir jugamahkan supaya, usaha-usaha dilakukan bagi menentukan bahawa tidak wujud lagi masyarakat yang mundur ekonominya secara khusus dikaitkan dengan sesuatu kelompok masyarakat.

Budaya

Perdana Menteri jugamahkan supaya tidak ada kaum negara ini yang menerima budaya 'sindrom bergantung' *dependent syndrome* kerana ia akan melemahkan kaum itu sendiri dan bangsa Malaysia amnya.

"Di negara yang ekonominya giat berkembang, dasar dan pendekatan kerajaan tidak akan mendatangkan kejayaan, apa yang perlu ialah sambutan dan semangat rakyat untuk menja-

jakan diri mereka sendiri," jelasnya.

Sebagai Pengerusi BN juga katanya, beliau mahu melihat semua parti komponen sentiasa stabil dan kukuh kerana in akan menjadikan parti disegani dan dihormati.

"Parti yang stabil dan kuat bukan sahaja dihormati tetapi juga boleh menumpukan usahanya ke arah melaksanakan program-program yang dapat memberi faedah kepada ahli-ahli, rakyat dan negara," kata beliau.

Pesat

Dr. Mahathir turut menyatakan, Malaysia merupakan sebuah negara yang ekonominya mengalami pertumbuhan paling pesat di rantau ini.

Mengenai peranan MIC, Perdana Menteri berkata, walaupun bilangan penduduk India kecil berbanding dengan kaum bumiputera tetapi suara mereka adalah lantang dan jelas *loud and clear*.

"Dalam Barisan Nasional, MIC dianggap sebagai *equal partner*, dalam apa juga perancangan kerajaan kepentingan masyarakat India diambil kira," tambahnya.

Dalam hal ini kata beliau, MIC telah bekerja menjaga hak kepentingan kaum India.

Sehubungan itu katanya, ahli-ahli MIC jangan mudah terpengaruh dengan dakwah

parti lawan yang kononnya mereka boleh menjaga kepentingan kaum India dengan lebih baik lagi.

"Apa yang telah mereka lakukan demi kebaikan kaum India? Parti-parti lawan hanya pandai bercakap sahaja.

"Sebenarnya jika perwakilan kaum India hanya berada dalam parti lawan dan di luar kerajaan, segala kepentingan kaum India mungkin tidak akan mendapat layanan yang sewajarnya," kata beliau.

Dr. Mahathir juga memuji MIC kerana sekalipun berlaku perebutan jawatan Presiden parti itu baru-baru ini, ia tidak menjejaskan perpaduan dalam parti.

"MIC yang lebih stabil dan kukuh akan membolehkan parti memberi sumbangan yang lebih bermakna dan berkesan kepada masyarakat India di negara ini," ujar beliau.

Sementara itu semasa bercakap kepada para pemberita ketika diminta mengulas kejadian kebakaran yang berlaku di bangunan penting kerajaan baru-baru ini selepas majlis perasmian itu, beliau berkata, kerajaan sedang mengkaji kenapa kebakaran tersebut berlaku di sebelah malam sahaja.

Katanya, jika semua kebakaran itu disebabkan oleh litar pintas, kajian perlu dibuat untuk mengenal pasti bagaimana masalah tersebut boleh diatasi.